BULETIN BIL. 1 JANUARI - APRIL 2022

# MPAJ

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA




**BERBAKTI • BERSIH • BERBUDAYA**

Majlis Perbandaran Ampang Jaya - Rasmi | mp_ampangjaya | mp_gov.my | www.mpaj.gov.my | MP Ampang Jaya - Channel

03-4296 8000 Talian Utama / 1-800-22-8100 Talian Bebas Tol Aduan | 03-4296 8060

# Kandungan

BIL. 1 EDISI 2022 | JAN - APRIL







3 PENYERAHAN SUMBANGAN BAUCAR BANTUAN PASCA BANJIR

8 AUDIT PEMATUHAN TERHADAP SEWAAN HARTA MPAJ

10 PERASMIAN PUSAT PENGUMPULAN 'E-WASTE' @ MENARA MPAJ

12 MINI KARNIVAL KEMPEN HARI-HARI TIADA SAMPAH MPAJ

13 MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM (MPIPA) PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA TAHUN 2022

16 TAKLIMAT PENGURUSAN TENAGA BAGI BANGUNAN INDUSTRI DAN KOMERSIAL DI KAWASAN PENTADBIRAN MPAJ

## Sidang Redaksi

**PENAUNG**
**Y.Bhg. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim** SMS
Yang Dipertua

**PENASIHAT**
**Tuan Johari bin Atli** SIS, PPT
Pengarah Jabatan Undang-Undang (menanggung kerja Setiausaha)

**KETUA EDITOR**
**Pn. Rosliza bt. Mohd** PPT
Pengarah Jabatan Perancangan Korporat

**SIDANG EDITOR**
- En. Muhamad Fareez bin Normanshah
- Pn. Siti Mariam bt. Md Dzahir

**PEMBANTU PENERBITAN**
Pn. Normali bt. Noordin

**FOTOGRAFI**
En. Muhammad Mustaqim Siddiq bin Tahwil Azar

## Hubungi KAMI

| | |
|---|---|
| Talian Utama (Operator) | 03 - 4296 8000 |
| Faksimile | 03 - 4290 8060 |
| Hotline (24 Jam) | 03 - 4296 8100 |
| Talian Bebas Tol Aduan | 1 - 800 - 22 - 8100 |
| Panlas (Bencana Alam 24 Jam) | 03 - 4280 9050 |
| Kaunter Khidmat Pelanggan<br>• Kaunter Pertanyaan<br>• Kaunter Eksekutif Pelanggan | 03 - 4285 7046<br>03 - 4285 7357 |
| Pejabat Yang Dipertua | 03 - 4285 7090 |
| Pejabat Timbalan Yang Dipertua / Setiausaha | 03 - 4285 7099 |
| Jabatan Perbendaharaan | 03 - 4285 7004 |
| Jabatan Hasil | 03 - 4285 7004 |
| Jabatan Perancangan Korporat | 03 4285 7477 |
| Jabatan Penguatkuasa<br>• Stor<br>• Trafik | 03 - 4285 7024<br>03 4285 7025<br>03 - 4285 7325 |
| Jabatan Belia, Masyarakat & Landskap | 03 - 4285 7012 |
| Jabatan Bangunan & Senibina | 03 4285 7009 |
| Jabatan Perancang Bandar | 03 - 4285 7008 |

| | |
|---|---|
| Jabatan Kejuruteraan | 03 - 4285 7300 |
| Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta | 03 - 4285 7072 |
| Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan | 03 - 4285 7344 |
| Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam | 03 - 4285 7044 |
| Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar | 03 - 4285 7007 |
| Jabatan Khidmat Pengurusan | 03 - 4285 7037 |
| Jabatan Undang-Undang | 03 - 4285 7016 |
| Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) | 03 - 4285 7110 |
| Bahagian Pusat Khidmat Setempat (OSC Pembangunan) | 03 - 4285 7102 |
| Bahagian Perhubungan Awam & Sekretariat | 03 - 4285 7433 |
| Bahagian Ukur Bahan | 03 - 4285 7444 |
| Bahagian Audit Dalam | 03 - 4285 7188 |
| Bahagian Integriti | 03 - 4285 7407 |




# PENYERAHAN SUMBANGAN BAUCAR BANTUAN PASCA BANJIR

Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ telah menyampaikan sumbangan kepada 200 orang murid yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda kawasan Hulu Langat. Penyerahan Sumbangan Baucar Bantuan Pasca Banjir oleh MPAJ ini telah berlangsung pada 7 Januari 2022 bertempat di Sek. Keb. Tun Abdul Aziz Majid, Hulu Langat. Keseluruhan bantuan yang diedarkan berjumlah RM10,000.00. Tn. Johan bin Ali, Pengarah Jab. Undang-Undang (menanggung kerja setiausaha) dan En. Khairilazhar bin Ismail, Pengarah Jab. Belia, Masyarakat dan Landskap MPAJ turut hadir menyantuni murid-murid tersebut.



## *Post-Flood Aid Vouchers Contribution*

*Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President distributed post-flood aid vouchers to 200 students affected by the flood at Hulu Langat. Donations were given on 7 January 2022 at Sek. Keb. Tun Abdul Aziz Majid, Hulu Langat. The total donations were RM10,000.00. Tn. Johan bin Ali, Director of Legal Department (acting secretary) and En. Khairilazhar bin Ismail, Director of Youth, Community and Landscape of MPAJ were also present.*









# PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN BULAN JANUARI 2022 DAN PERASMIAN KEMPEN HARI-HARI TIADA SAMPAH MPAJ

Program Hari Tanpa Kenderaan (HTK) MPAJ dan Perasmian Kempen Hari-Hari Tiada Sampah MPAJ telah berlangsung pada 9 Januari 2022 bertempat di Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti zumba, tai chi, aktiviti berbasikal, berjoging, memanah, mini zoo dan sebagainya. Terdapat juga pameran daripada agensi kerajaan dan swasta. Antara pertandingan yang dianjurkan pada hari tersebut adalah memasak, melukis dan pertandingan bola sepak Jawatankuasa Penduduk (JKP). YB. Tn. Ir. Izham bin Hashim, Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor merangkap ADUN Pandan Indah telah hadir merasmikan program ini. Sebagai gimik Perasmian Hari-Hari Tiada Sampah, kakitangan MPAJ bersama KDEB Waste Management dan penduduk Ampang Jaya telah melafazkan ikrar untuk menjaga kebersihan.

## *January 2022's Car Free Day and Cleanliness Campaign Launching Ceremony*

*MPAJ'S Car Free Day and Cleanliness Campaign Launching Ceremony was held on 9 January 2022 at Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah. Various activities were held such as zumba, tai chi, cycling, jogging, archery, mini zoo and many more. There were also exhibitions from government and private agencies. Among the competitions organized on the day were cooking, drawing and residents' committee (JKP) football competition. YB. Tn. Ir. Izham bin Hashim, Exco for Infrastructure and Public Facilities and Agricultural Modernization & Agro-based Industry of Selangor cum Pandan Indah assemblyman officiated the program. As a gimmick for the Cleanliness Campaign, MPAJ's employees together with KDEB Waste Management and residents of Ampang Jaya have uttered a pledge to maintain cleanliness.*







# PENYAMPAIAN ANUGERAH KEBUN KOMUNITI MPAJ 2021

## *Presentation of MPAJ Community Garden Award 2021*

Turut diadakan penyerahan hadiah kemenangan bagi Anugerah Kebun Komuniti MPAJ 2021. Keputusan adalah seperti berikut :

*There was also a prize giving ceremony for the MPAJ Community Garden Award 2021. The results are as follows:*

### ANUGERAH KEBUN KOMUNITI TERBAIK KESELURUHAN
### *BEST OVERALL COMMUNITY GARDEN AWARD*

| Pertama/ *First place* | Kedua / *Second place* | Ketiga / *Third place* |
|---|---|---|
| Kebun Komuniti Pangsapuri Cemara | Kebun Komuniti Kelab Kebun Rumah Pangsa AU2 | Kebun Komuniti Pegaga |

### KATEGORI ANUGERAH KEBUN HIJAU
### *GREEN GARDEN AWARD CATEGORY*

| Pertama/ *First place* | Kedua / *Second place* | Ketiga / *Third place* |
|---|---|---|
| Kebun Komuniti Pangsapuri Cemara | Kebun Komuniti Ar-Raihan Pandan Indah | Kebun Komuniti KRT Pandan Mewah |

### KATEGORI ANUGERAH KEBUN AKTIF
### *ACTIVE GARDEN AWARD CATEGORY*

| Pertama/ *First place* | Kedua / *Second place* | Ketiga / *Third place* |
|---|---|---|
| Kebun Komuniti Ceria Indah | Kebun Komuniti Pandan Jaya Utara | Kebun Komuniti SK Taman Muda |

### KATEGORI ANUGERAH KEBUN CERIA / *CHEERFUL GARDEN AWARD CATEGORY*

| Pertama/ *First place* | Kedua / *Second place* | Ketiga / *Third place* |
|---|---|---|
| Kebun Komuniti Kelab Kebun Rumah Pangsa AU2 | Kebun Komuniti Taman Bukit Indah Fasa 2 | Kebun Komuniti Pegaga |

### KATEGORI ANUGERAH KEBUN INOVATIF
### *INNOVATIVE GARDEN AWARD CATEGORY*

Kebun Komuniti Pegaga

### KATEGORI ANUGERAH KEBUN SEKOLAH TERBAIK
### *BEST SCHOOL GARDEN AWARD CATEGORY*

| | | |
|---|---|---|
| SMK Taman Dato Ahmad Razali | SK Taman Muda | SMK Pandan Indah |

### PENYAMPAIAN ANUGERAH LAMAN HIJAU STRATA NEGERI SELANGOR 2021
### *PRESENTATION OF SELANGOR STRATA GREEN GARDEN AWARD 2021*

**Pemenang Naib Johan** / *Second Place*

Kebun Komuniti Pangsapuri Cemara

### PENYAMPAIAN ANUGERAH PENGHORMATAN KEBANGSAAN UNTUK PENEMPATAN MANUSIA 2021
### *PRESENTATION OF NATIONAL HONOUR AWARD FOR HUMAN SETTLEMENTS 2021*

**Pemenang Hadiah Sagu Hati** / *Consolation Awards*

Kebun Komuniti Pangsapuri Cemara
Kebun Komuniti Pangsapuri Ukay Indah



# PENYERAHAN BANTUAN EHSAN
## OLEH PUSPANITA MPAJ



### *Handing Over of Donations from MPAJ'S PUSPANITA*

*29 employees of MPAJ received donations in forms of financial aid and basic needs from MPAJ's PUSPANITA on 13 January 2022 at Auditorium MPAJ. Most of these employees live at Hulu Langat and Klang where their homes have been hit by a flood that damaged home appliances such as electrical goods and furniture. Pn. Rohani binti Abdullah, Deputy Chairman II, Gombak District PUSPANITA handed over the donations. Also present were Pn. Rosliza binti Mohd, Director of MPAJ's Corporate Planning Department and members of MPAJ's PUSPANITA.*



Seramai 29 orang kakitangan MPAJ telah menerima bantuan kewangan dan keperluan asas daripada PUSPANITA MPAJ pada 13 Januari 2022 bertempat di Auditorium MPAJ. Kebanyakan daripada kakitangan ini menetap di sekitar kawasan Hulu Langat dan Klang yang mana rumah mereka telah ditimpa musibah banjir yang merosakkan kelengkapan rumah seperti barangan elektrik dan perabot. Pn. Rohani binti Abdullah, Timbalan Pengerusi II, PUSPANITA Daerah Gombak telah menyampaikan sumbangan serta menyantuni penerima sumbangan. Turut serta Pn. Rosliza binti Mohd, Pengarah Jab. Perancangan Korporat MPAJ bersama ahli PUSPANITA MPAJ.









# KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH DAN BOLA SEPAK VETERAN 9 SEBELAH, JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MPAJ SEMPENA 30 TAHUN PENUBUHAN MPAJ

Pada 16 Januari 2022 telah berlangsung Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah, Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ sempena 30 Tahun Penubuhan MPAJ yang disertai oleh 23 pasukan melibatkan 450 orang peserta keseluruhan. Johan dimenangi oleh JKP Zon 17, naib johan disandang oleh JKP Zon 14 manakala tempat ketiga dikongsi bersama oleh JKP Zon 10 dan Zon 6. Pada 23 Januari 2022 pula telah berlangsung Pertandingan Bola Sepak Veteran 9 Sebelah JKP MPAJ. Sebanyak 22 pasukan telah mengambil bahagian. Johan dimenangi oleh JKP Zon 13 manakala naib johan disandang oleh JKP Zon 16. JKP Zon 22 dan Zon 17 berkongsi kedudukan ketiga.

Program yang dirasmikan oleh Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ turut disertai oleh Tn. Johan bin Ali, Pengarah Jab. Undang-Undang (memangku Setiausaha MPAJ) serta barisan ahli majlis, pengarah dan pegawai MPAJ.

## *MPAJ's Residents' Committee (JKP) 9-Side Football Tournament and 9-Side Veteran Football Tournament in Conjunction with 30 Years Establishment of MPAJ*

*MPAJ's Residents' Committee (JKP) 9-Side Football Tournament was held on 16 January 2022 in conjunction with 30 years of establishment of MPAJ. 23 teams participated with a total of 450 participants. First place goes to JKP Zone 17, second place goes to JKP Zone 14 while third place is shared by JKP Zone 10 and Zone 6. 9-Side Veteran Football Tournament was held on 23 January 2022 with 22 participating teams. First place goes to JKP Zone 13 while second place goes to JKP Zone 16. JKP Zone 22 and Zone 17 shared third place.*

*The program that was officiated by Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ President was also attended by Tn. Johan bin Ali, Director of Legal Department (acting secretary) and councilors, directors and officers of MPAJ.*






# AUDIT PEMATUHAN TERHADAP SEWAAN HARTA MPAJ

MPAJ telah menerima Lawatan Audit bagi Pematuhan Sewaan Harta pada 24 Januari hingga 7 Mac 2022. Majlis Pembukaan Audit oleh Jabatan Audit Negara Selangor telah diadakan pada 19 Januari 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, Aras 16 Menara MPAJ. Majlis ini telah dipengerusikan oleh Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ dan turut disertai oleh En. Khairulazmi bin Abdul Rahman, Timb. Pengarah Jab. Penilaian dan Pengurusan Harta serta Puan Noor Farahana binti Roslan, Ketua Bahagian Audit Dalam MPAJ. Majlis ini diadakan bagi memantau dan menambah baik aktiviti Pematuhan Sewaan Harta yang dilaksanakan oleh MPAJ. Barisan juruaudit yang hadir daripada Jabatan Audit Negara Selangor diketuai oleh Dr. Mohamad Fauzi bin Mohamad Saruman, Timbalan Pengarah Audit, dan dibantu oleh En. Moor Zuazr bin Moor Zaimi, Pn. Salwa binti Said, Pn. Nurul Azwanis binti Mohamed, Pn. Sa'adah binti Hakn dan Pn. Marliana binti Mokhtar.




## *MPAJ's Property Rental Compliance Audit*








*MPAJ received an audit visit for Property Rental Compliance from 24 January until 7 March 2022. The audit opening ceremony by the Selangor National Audit Department was held on 19 January 2022 at the Bunga Tanjung Meeting Room, Level 16 Menara MPAJ. It was chaired by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President and also accompanied by En. Khairulazmi bin Abdul Rahman, Deputy Director of Valuation and Property Management Department and Puan Noor Farahana binti Roslan, Head of MPAJ's Internal Audit Division. It is held to monitor and improve property rental compliance activities implemented by MPAJ. The auditors present from the Selangor National Audit Department were led by Dr. Mohamad Fauzi bin Mohamad Saruman, Audit Deputy Director, and assisted by En. Moor Zuazr bin Moor Zaimi, Pn. Salwa binti Said, Pn. Nurul Azwanis binti Mohamed, Pn. Sa'adiah binti Hakn, and Pn. Marliana binti Mokhtar.*



# AUDIT PENGURUSAN
## PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

Seramai dua (2) orang pegawai daripada Jabatan Audit Negara Selangor telah hadir ke MPAJ bagi melaksanakan Audit Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar pada 24 dan 25 Januari 2022. Auditan yang diketuai oleh Pn. Dayang Masniah binti Abd Rahim dan dibantu oleh En. Sukhri bin Mahmud telah melaksanakan pemeriksaan fizikal ke 10 Projek Pembasmian Kemiskinan Bandar tahun 2020 yang diuruskan oleh pihak MPAJ. Antara lokasi yang dilawati adalah Lembah Jaya Selatan, Kg. Ampang Indah, Kg. Dato' Mufti Shuib dan Kg Kemensah. Sesi pembukaan audit telah dipengerusikan oleh Tn. Johan bin Atli, Pengarah Jab. Undang-Undang (menanggung kerja setiausaha) pada 24 Januari 2022.





## *Urban Poverty Eradication Program Management Audit*

*A total of two (2) officers from the Selangor National Audit Department visited MPAJ to perform a management audit on the Urban Poverty Eradication Program on 24 and 25 January 2022. The audit led by Pn. Dayang Masniah binti Abd Rahim and assisted by En. Sukhri bin Mahmud has carried out physical inspections of 10 Urban Poverty Eradication Projects in the year 2020 managed by MPAJ. Among the locations visited were Lembah Jaya Selatan, Kg. Ampang Indah, Kg. Dato 'Mufti Shuib and Kg Kemensah. The opening session of the audit was chaired by Tuan Johan bin Atli, Director of Legal Department (acting secretary) on 24 January 2022.*












# Perasmian Pusat Pengumpulan 'E-Waste' @ Menara MPAJ

Projek Perintis Pusat Pengumpulan 'E-Waste' di Menara MPAJ membolehkan penduduk membuang sisa elektronik dengan betul dan bukannya membuang ke dalam tong sampah biasa. Sisa elektronik atau 'e-waste' adalah sesuatu yang perlu kita tangani daripada sumbernya agar ia tidak dibuang ke tapak pelupusan sampah. 'E-Waste' yang dikumpul ini akan dihantar ke pusat kitar semula dimana komponen-komponen ini boleh digunakan atau dikitar semula untuk tujuan lain demi kelestarian alam sekitar. Majlis Perasmian Pusat Pengumpulan 'E-waste' di Menara MPAJ telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ pada 27 Januari 2022.

Turut serta dalam majlis tersebut ialah Tn. Johari bin Atil, Pengarah Jab. Undang-Undang (menanggung kerja setiausaha) MPAJ, wakil daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri dan Daerah, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor, barisan ahli majlis, pengarah dan kakitangan MPAJ.




## Launching of E-Waste Collection Centre @ Menara MPAJ



*A Pilot Project of the E-Waste Collection Center at Menara MPAJ allows residents to dispose of electronic waste properly instead of throwing it in regular bins. Electronic waste or e-waste is something we need to deal with from its source so that it will not be dumped into landfills. The collected e-waste will be sent to the recycling center where these components can be reused or recycled for other purposes for the sake of environmental sustainability. The Opening Ceremony of the E-Waste Collection Center at Menara MPAJ was officiated by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President on 27 January 2022.*

*Also present were Tuan Johari bin Atil, Director of Legal Department (acting secretary) MPAJ, representatives from the State & District Environment Department, Selangor State Economic Planning Unit, councillors, internal directors and employees of MPAJ.*



# MAJLIS PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN (ANGKAT SUMPAH) AHLI MAJLIS BAHARU MPAJ



Tiga (3) orang ahli majlis MPAJ yang baharu telah mengangkat sumpah pada 27 Januari 2022. Mereka adalah Tn. Mohammad Firdaus bin Rabh (JKP zon 19), Tn. Yew Jia Haur (JKP zon 22) dan Tn. Lee Wen Bin (JKP zon 24). Majlis Angkat Sumpah telah diadakan di Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, Aras 16 Menara MPAJ di hadapan Yang Dipertua, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim.

## *Swearing-In Ceremony of the Newly Appointed MPAJ's Councilors*

*Three (3) newly appointed MPAJ's councilors swore in on 27 January 2022. They were Tn. Mohammad Firdaus bin Rabh (JKP zone 19), Tn. Yew Jia Haur (JKP zone 22) and Tn. Lee Wen Bin (JKP zone 24). The Swearing-in Ceremony was held at Bunga Tanjung Meeting Room, Level 16 Menara MPAJ in front of MPAJ's President, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim.*











# *Mini Karnival*

# KEMPEN HARI-HARI TIADA SAMPAH MPAJ



MPAJ telah menganjurkan beberapa siri Mini Karnival Kempen Hari-Hari Tiada Sampah di beberapa zon JKP sekitar kawasan pentadbirannya. Antara aktiviti yang menjadi pengisian mini karnival ini adalah taklimat kitar semula, taklimat jom bayar cukai, taklimat cegah denggi, kaunter pembelian dan kutipan barangan kitar semula, kaunter khidmat nasihat kesihatan serta rawatan sakit sendi kronik. Terdapat juga aktiviti seperti senamrobik, pertandingan mewarna, pemeriksaan kesihatan, cabutan bertuah, pertandingan reka cipta daripada bahan kitar semula, pertandingan mengubah pasu bunga daripada tayar terpakai dan sebagainya. Jab. Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam selaku penganjur utama telah memainkan peranan yang kuat dalam memastikan kelancaran setiap penganjuran mini karnival dengan kerjasama jabatan-jabatan dalaman MPAJ.





| LOKASI / *LOCATION* | TARIKH / *DATE* | JEMPUTAN KEHORMAT / *VIP* |
|---|---|---|
| Dewan MPAJ, AU2 (JKP Zon 4) | 29 Januari 2022 | YB. Tn. Saari bin Sungib, ADUN Hulu Kelang |
| Dataran Cempaka, Jalan Cempaka 15, Taman Cempaka (JKP Zon 15) | 5 Februari 2022 | |
| Dewan MPAJ, Kampung Ampang Indah (JKP Zon 11 dan 12) | 26 Mac 2022 | YB. Puan Rodziah binti Ismail, Exco Perumahan & Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Us… Negeri Selangor |







## MPAJ'S CLEANLINESS CAMPAIGN MINI CARNIVAL

*MPAJ has organized a series of Cleanliness Campaign Mini Carnivals in several JKP zones around its administrative area. Among the activities hosted during the mini carnival were recycling briefings, let's pay taxes briefings, dengue prevention briefings, purchase and collection counters for recycled items, health advice counters and treatment of chronic joint pain. There are also activities such as aerobics, coloring competitions, health check ups, lucky draws, design competitions from recycled materials, flower pot from used tires competitions and many more. Solid Waste Management and Public Cleanliness Department, as the main organizer has played a strong role in ensuring the smooth running of each mini carnival in collaboration with the internal departments of MPAJ.*





Lapan (8) pasukan daripada lapan jabatan dalaman MPAJ telah mempertaruhkan produk inovasi masing-masing dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam (MPIPA) Peringkat MPAJ pada 10 dan 11 Februari 2022. Dua (2) orang juri profesional telah dijemput menilai setiap projek KIK yang dipertandingkan iaitu En.Rosdi bin Osman dan Ts. Ahmad Mashudi bin Alpiah dimana setiap kumpulan telah dinilai dalam tiga sesi penilaian.

# MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM (MPIPA) PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA-TAHUN 2022







## MPAJ's Innovative And Creative Circle (ICC) Convention 2022

Eight (8) teams from eight internal departments of MPAJ presented their innovative products at MPAJ's Innovative and Creative Circle (ICC) Convention that was held on 10 and 11 February 2022. Two (2) professional juries were invited to evaluate each innovation project that was En.Rosdi bin Osman and Ts. Ahmad Mashudi bin Alpiah in which each group was assessed in three assessment sessions.

| | |
|---|---|
| Johan / 1st place<br>RM 5,000, trofi & sijil penghargaan | Lex Legis (Jab. Undang-Undang) |
| Naib Johan / 2nd place<br>RM 3,000, trofi & sijil penghargaan | Smart PSP (Jab. Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam) |
| Tempat ketiga / 3rd place<br>RM 1,500, trofi & sijil penghargaan | Archy (Jab. Bangunan dan Senibina) |
| Fasilitator terbaik / Best facilitator<br>RM 300 & sijil penghargaan | Tn. Juhari bin Atil (Lex Legis) |
| Persembahan terbaik / Best Performance<br>RM 700 & sijil penghargaan | Lex Legis (Jab. Undang-Undang) |
| Gegantung terbaik / Best bunting<br>RM 300 & sijil penghargaan | Archy (Jab. Bangunan dan Senibina) |
| Dokumentasi terbaik / Best documentation<br>RM 300 & sijil penghargaan | Lex Legis (Jab. Undang-Undang) |
| Anugerah khas juri (Produk inovatif) / Special award (innovative product)<br>RM 300 & sijil penghargaan | Archy (Jab. Bangunan dan Senibina) |
| Anugerah emas / Gold award<br>RM 300 & sijil penghargaan | - Cybermate (Jab. Perancangan Korporat)<br>- The Collectors (Jab. Hasil)<br>- PK Tech (Jab. Penguatkuasa)<br>- Sydair (Jab. [illegible] dan Landskap)<br>- e-Nilai (Jab. Penilaian dan Pengurusan Harta) |



# PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN BULAN FEBRUARI 2022 DAN SAMBUTAN HARI KANSER SEDUNIA PERINGKAT MPAJ

Seramai 5,000 pengunjung telah menyertai Program Hari Tanpa Kenderaan (HTK) MPAJ bagi bulan Februari 2022. Program yang berlangsung pada 13 Februari 2022 turut menyaksikan Sambutan Hari Kanser Sedunia Peringkat MPAJ dengan kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat. Program ini telah mendapat sokongan dan penyertaan daripada pelbagai agensi. YDP MPAJ, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim telah merasmikan program yang menyaksikan kehadiran Dr. Chee Ping Ngang, Tim. Pengarah PLANMalaysia; Dr. Zaiiza binti Suli, Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Langat; dan Pn. Hamidah binti Tajudin, Pengerusi Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak-Anak Kanser (KIDS).

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti kembara eksplorasi, jalan santai 10,000 langkah, zumba, aktiviti berbasikal, berjoging, memanah dan mini zoo. Terdapat juga pameran daripada agensi kerajaan dan swasta. Turut diadakan persembahan oleh Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak-Anak Kanser (KIDS); penyerahan hadiah Anugerah Kejiranan Hijau anjuran PLANMalaysia kepada MPAJ dan Kebun Komuniti Pangsapuri Cemara; penyerahan *'Malaysian Book of Record'* larian paling jauh dalam tempoh 12 jam bagi Program Larian Mencari Nur pada 4 Disember 2021; Pertandingan lamiya; serta sumbangan kepada Pangsapuri Kos Rendah Pandan Utama (Block C).




## *February's Car Free Day Program and MPAJ Level World Cancer Day Celebration*

*A total of 5,000 visitors participated in the MPAJ February's Car Free Day Program. The Program which took place on 13 February 2022 also hosted the MPAJ World Cancer Day celebration in collaboration with Hulu Langat District Health Office. This program received support and participation from various agencies. MPAJ's President, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim officiated the program with the presence of Dr. Chee Ping Ngang, Deputy Director of PLANMalaysia; Dr. Zaiiza binti Suli, Hulu Langat District Health Officer; and Puan Hamidah binti Tajudin, Chairman of the Parents and Children Cancer Support Group (KIDS).*

*Various activities were held such as exploracE, 10,000 steps leisure walk, zumba, cycling activities, jogging, archery and a mini zoo. There are also exhibitions from government and private agencies. Also held were performances by the Parents and Children Cancer Support Group (KIDS); the presentation of the Green Neighbourhood Award prize organized by PLANMalaysia to MPAJ and the Cemara Apartment Community Garden; the submission of the Malaysian Book of Record for the longest run in 12 hours for the 'Mencari Nur Run' program on 4 December 2021; lamiya match; as well as contributions to Pandan Utama Low-Cost Apartments (Block C).*



# BENGKEL LIBAT URUS PEMBANGUNAN KOMPETENSI PEMBANTU AHLI MAJLIS MPAJ SESI 2021-2022

Kemahiran dan kecekapan kerja pembantu ahli majlis mampu memberi impak yang besar kepada prestasi ahli majlis MPAJ dan zon JKP yang ditadbir. Dalam memastikan setiap pembantu ahli majlis ini mempunyai ilmu dan pengetahuan yang tinggi, bengkel Libat Urus Pembangunan Kompetensi Pembantu Ahli Majlis MPAJ sesi 2021-2022 telah diadakan pada 16 hingga 18 Februari 2022 bertempat di Melaka. Seramai 21 pembantu ahli majlis telah menyertai bengkel yang berlangsung selama tiga hari yang telah dirasmikan oleh Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ. Antara pengisian bengkel adalah kefahaman mengenai dasar MPAJ, garis panduan JKP MPAJ, peranan serta tanggungjawab JKP secara menyeluruh dan pengurusan protokol dan majlis rasmi. Yang lebih penting, mereka diajar tentang kaedah penyediaan kertas kerja, fail dan surat-menyurat.




## *Workshop on Competency Development of MPAJ Councillors' Assistants Session 2021-2022*





*The skills and work efficiency of councillors' assistants provide a significant impact on their performance and JKP zones administration. In ensuring that each councillors's assistant has a high level of expertise and knowledge, the workshop on Competency Development of MPAJ Councillor's Assistants session 2021-2022 was held on 16 to 18 February 2022 in Melaka. A total of 21 councillors' assistants participated in the workshop which lasted for three days that was officiated by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President. Among the contents of the workshop is an understanding of MPAJ policies, MPAJ JKP guidelines, the role and responsibilities of JKP as a whole as well as the management of protocols and official functions. More importantly, they are taught about the methods of preparing paper works, files and correspondence.*






# TAKLIMAT **PENGURUSAN TENAGA BAGI BANGUNAN INDUSTRI DAN KOMERSIAL** DI KAWASAN PENTADBIRAN MPAJ

MPAJ telah menganjurkan Taklimat Pengurusan Tenaga bagi Bangunan Industri dan Komersial di dalam Kawasan Pentadbiran MPAJ pada 10 Mac 2022 bertempat di Hotel Grand Barakah, Ampang. Taklimat Pengurusan Tenaga Bangunan Komersial dan Industri diadakan bertujuan membantu MPAJ untuk mempertingkatkan kapasiti golongan profesional dan bukan profesional khusus dalam pengurusan dan kecekapan tenaga. Tiga slot taklimat menyentuh tentang pelaksanaan bandar rendah karbon di bangunan kerajaan / pentadbiran MPAJ; taklimat pengurusan tenaga oleh '*Sustainable Energy Development*' (SEDA); dan taklimat pelaksanaan '*LCCF2030 Challenge*' oleh '*Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation*' (MgTC). Program ini telah dirasmikan oleh Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ.



## *Energy Management Briefing Session for Industrial and Commercial Buildings in MPAJ Administration Area*

*MPAJ has organized an Energy Management Briefing for Industrial and Commercial Buildings in MPAJ administrative area on 10 March 2022 at Grand Barakah Hotel, Ampang. Briefings on Energy Management at Commercial and Industrial Buildings were held to assist MPAJ to enhance the capacity of professionals and non-professionals specialized in energy management and efficiency. Three briefing slots were implementation of low carbon cities in MPAJ government / administrative buildings; energy management briefing by Sustainable Energy Development (SEDA), and a briefing on the implementation of the LCCF2030 Challenge by the Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MgTC). The program was officiated by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ.*



# KEJADIAN GELONGSORAN TANAH DI TAMAN BUKIT PERMAI 2

Insiden tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2, Ampang pada 10 Mac 2022 telah meragut empat nyawa dan menyebabkan seorang cedera selain menjejaskan 15 rumah serta 10 kenderaan terjejas. Pelbagai agensi yang berkaitan telah sama-sama membantu dalam usaha mencari dan menyelamat serta kerja-kerja pembersihan dan baik pulih di tapak. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ dan Dr. Ani binti Ahmad, Pegawai Daerah Hulu Langat berada di tapak lokasi bagi memantau kerja-kerja mencari dan menyelamat mangsa.

Pada 11 Mac 2022, Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari telah melakukan lawatan ke lokasi kejadian gelongsoran tanah di Taman Bukit Permai 2. Beliau memaklumkan bahawa ahli keluarga dan waris empat mangsa yang meninggal dunia dalam kejadian tanah runtuh tersebut akan menerima sumbangan RM10,000 bagi setiap mangsa daripada Kerajaan Negeri Selangor. Jawatankuasa Pengurusan Bencana akan mengkaji risiko dan tahap keselamatan terhadap 48 buah rumah di Taman Bukit Permai 2 untuk melihat jika ia selamat didiami atau tidak. Turut hadir lawatan tapak adalah YB. Tuan Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Selangor; YB. Tn. Ir. Izham bin Hashim, Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor merangkap ADUN Pandan Indah; Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ; Dr. Ani binti Ahmad, Pegawai Daerah Hulu Langat; Tuan Mohamad Farouk bin Eshak, Ketua Polis Daerah Ampang Jaya; dan beberapa ketua agensi yang terlibat dengan urusan bencana di tapak.

## *Landslide at Taman Bukit Permai*

*The landslide incident at Taman Bukit Permai 2, Ampang on 10 March 2022 claimed four lives and injured one person besides having 15 houses and 10 vehicles affected. Various related agencies were involved in the search and rescue efforts as well as clean-up and repair work on site. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President and Dr. Ani binti Ahmad, Hulu Langat District Officer were at the site to monitor the search and rescue work.*

*Selangor Chief Minister, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari visited the landslide location at Taman Bukit Permai 2 on 11 March 2022. He informed that the family members and next of kin of the four victims who died in the landslide incident will receive a contribution of RM10,000 for each victim from Selangor State Government. The Disaster Management Committee will review the risks and security levels of 48 houses in Taman Bukit Permai 2 to see if they are safe to live in or not. Also present at the site visit were YB. Tuan Ng Sze Han, Selangor Local Government and Public Transport Exco; YB. Tuan Ir. Izham bin Hashim, Selangor State Exco for Infrastructure and Public Facilities, Agriculture Modernization and Agro-based Industry cum Pandan Indah Assemblyman; Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President; Dr. Ani binti Ahmad, Hulu Langat District Officer; Tuan Mohamad Farouk bin Eshak, Ampang Jaya's Officer-in-Charge Police District (OCPD); and several heads of agencies involved with disaster management on site.*






# Sambutan Hari Wanita Sedunia DAN HARI LANDSKAP NEGARA PERINGKAT MPAJ SEMPENA PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN BULAN MAC 2022

Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ telah merasmikan Sambutan Hari Wanita Sedunia dan Hari Landskap Negara Peringkat MPAJ pada 13 Mac 2022 Sempena Program Hari Tanpa Kenderaan. Turut hadir meraikan program adalah YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Pandan, Tuan Zohari bin Ali, Pengarah Jab. Undang-Undang (merangkap kerja setiausaha) MPAJ dan Pn. Murzana Hawari binti Husin, Penolong Pengarah Arkitek Landskap, Jabatan Landskap Negara.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti pelancaran Pertandingan Landskap MPAJ, pelancaran pertandingan Perumahan Berstrata Tercantik dan Terindah, 'fun run' wanita, pertandingan bola jaring, pertandingan memanah tradisional wanita, pertandingan hiasan inai, pertandingan gubahan daripada hasil kebun komuniti dan banyak lagi. Turut diadakan persembahan tarian oleh orang asli Kampung Kemensah dan persembahan tarian oleh pelajar SK Pandan Indah.

## MPAJ'S Celebration on International Women's Day and National Landscape Day in Conjunction with March's Car-Free Day

*Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President officiated MPAJ's Celebration on International Women's Day and National Landscape Day on 13 March 2022 in conjunction with March's Car-Free Day. Also present during the event were YB Dato Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Pandan parliament member, Tuan Zohari bin Ali, Director of Legal Department (acting secretary) and Pn. Murzana Hawari binti Husin, Landscape Architect Deputy Director, National Landscape Department.*

*Various activities were held such as the launching ceremony of the MPAJ Landscape Competition, the launching ceremony of the Cleanest and Most Beautiful Stratified Housing competition, women's fun run, netball competition, women's traditional archery competition, henna decoration competition, composition competition from the community garden and many more. There was also a dance performance by the Orang Asli of Kampung Kemensah and a dance performance by SK Pandan Indah's students.*





# Bengkel Libat Urus Persatuan Wanita di Bawah Pentadbiran MPAJ




Seiring dengan Sambutan Hari Wanita yang disambut di seluruh dunia dalam bulan Mac, Bengkel Libat Urus Persatuan Wanita di Bawah Pentadbiran MPAJ telah berlangsung pada 20 Mac 2022 bertempat di Kelab Darul Ehsan (KDE), Ampang. Seramai lebih 100 orang wanita melibatkan 15 persatuan wanita di kawasan Ampang Jaya telah hadir bagi menyumbang idea dan pendapat mereka. Semua peserta yang hadir membincangkan hala tuju wanita Ampang Jaya dalam membangunkan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita MPAJ 2023 – 2030. Hasil penemuan semasa sesi pembentangan mendapati bahawa kebanyakan kumpulan mencadangkan sebuah pusat kegiatan wanita yang mana semua aktiviti pemerkasaan kendiri dan ekonomi wanita dapat dilakukan di pusat tersebut. Bangunan yang bersesuaian adalah perlu bagi membolehkan semua wanita di Ampang Jaya selesa melaksanakan aktiviti riadah dan sukan dengan menjaga adab dan aurat mereka. Hadir merasmikan bengkel ini ialah Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ; Tn. Zohari bin Ali, Pengarah Jab. Undang-Undang (menanggung kerja setiausaha); dan Pn. Anfaal binti Saari, Pengerusi Jawatankuasa Wanita MPAJ.

## Women's Associations Workshop Under MPAJ's Administration Area



*Inline with the celebration of International Women's Day in March, MPAJ hosted a Women's Associations Workshop on 20 March 2022 at Kelab Darul Ehsan (KDE), Ampang. More than 100 women involving 15 women associations in Ampang Jaya area were present to contribute their ideas and opinions. All participants discussed the direction of Ampang Jaya's women in developing MPAJ Women's Development Action Plan 2023 – 2030. Findings during the presentation session found that most groups proposed a women's activity center where all women's self-empowerment and economic activities can be done at the center. Appropriate buildings are necessary to enable all women in Ampang Jaya to comfortably perform leisure and sports activities by maintaining their manners and 'aurat'. Present to officiate this workshop was Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ; Tn. Zohari bin Ali, Director of Legal Department (acting secretary); and Pn. Anfaal binti Saari, Chairman of MPAJ Women's Committee.*





# MPAJ TERIMA 5 ANUGERAH SEMASA EKSPO TEKNOLOGI MALAYSIA TAHUN 2022 BAGI KATEGORI ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM

## *MPAJ Received 5 Recognitions During the Malaysia Technology Expo (MTE) 2022 for Public Service Innovation Award*

Sebanyak empat (4) kumpulan inovasi MPAJ telah menyertai Ekspo Teknologi Malaysia pada 21 hingga 25 Mac 2022 bagi kategori Anugerah Inovasi Sektor Awam. Pada 24 Mac 2022, pihak penganjur telah mengumumkan 5 kemenangan buat MPAJ iaitu satu anugerah khas, dua pengiktirafan tertinggi emas dan dua pengiktirafan perak.

*Four (4) innovation groups from MPAJ participated in the Malaysia Technology Expo (MTE) on 21 until 25 March 2022 for Public Service Innovation Award category. On 24 March 2022, the organizers announced 5 recognitions for MPAJ that are one special award, two highest recognitions of gold and two silver recognitions.*


















| ANUGERAH / RECOGNITION | PEMENANG / WINNER | PROJEK INOVASI / INNOVATION PROJECT |
|---|---|---|
| *Association of British Inventors & Innovators Special Award* | D'Ezy License Team (Jab. Pelesenan & Pembangunan Usahawan) | *Delayed Banners Permits Monitoring Process* |
| *Anugerah Emas / Gold Award* | D'Ezy License Team (Jab. Pelesenan & Pembangunan Usahawan) | *Delayed Banners Permits Monitoring Process* |
| | Hotspot Crew (Jab. Kesihatan & Alam Sekitar) | *Waste Cooking Oil Community Collection Centre @ Taman Dagang Jaya, Ampang* |
| *Anugerah Perak / Silver Award* | COB (Bhg. Pesuruhjaya Bangunan) | F.C.B (Fleksibel, Cuci Bersih) |
| | F.P.S (Jab. Kejuruteraan) | F.P.S (Flexible, Power, Socket) |





# MPAJ Terima Sijil Sementara Rendah Karbon Bagi Dewan Perbandaran MPAJ, Pandan Indah Semasa Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2021

MPAJ telah menerima sijil sementara [provisional certificate] dalam Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2021 pada 22 Mac 2022 yang dihadiri oleh Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ telah hadir bagi menerima sijil tersebut. Sijil Sementara Rendah Karbon diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau rakan kongsi rendah karbon yang telah membangunkan penanda aras rendah karbon di kawasan pentadbiran masing-masing.

## *MPAJ Received Low Carbon Provisional Certificate for Dewan Perbandaran MPAJ, Pandan Indah During the 2021 Low Carbon City Award Ceremony*

*MPAJ received provisional certificate during the 2021 Low Carbon City Award Ceremony which took place on 22 March 2022 which was attended by Minister of Environment and Water, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man. Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President was present to receive the certificate. The Low Carbon Provisional Certificate was given to local councils or low carbon partners who have developed low-carbon benchmarks in their respective administrative areas.*








# PERBINCANGAN KUMPULAN SASAR DAN MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA 2035 (PENGGANTIAN)

Rancangan Tempatan (RT) merupakan sebuah dokumen perundangan yang menjadi rujukan penting dalam memandu arah perancangan guna tanah di kawasan pentadbiran MPAJ yang berkeluasan 14,350 hektar. RT MPAJ 2020 telah diwartakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) buat pertama kalinya pada 26 Mei 2011 sehinggalah kali terakhir diwartakan pada 21 Januari 2016 bagi RT MPAJ 2020 (Pengubahan 2). Susulan itu, Kajian Rancangan Tempatan MPAJ 2035 (Penggantian) kini dilaksanakan sebagai kesinambungan daripada Rancangan Tempatan MPAJ 2020.

Pada 25 Mac 2022, Perbincangan Kumpulan Sasar dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2035 (Penggantian) telah berlangsung. Sesi pembentangan draf RT oleh perunding telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas daripada semua agensi teknikal berkaitan. Ia juga sebahagian kaedah bagi penambahbaikan draf RT MPAJ 2035 (Penggantian) supaya selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Program ini telah dirasmikan oleh Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ. Turut serta Tn. Johari bin Atk, Pengarah Jab. Undang-Undang (menanggung kerja setiausaha) MPAJ, ahli majlis, pengarah dan beberapa agensi teknikal seperti Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pendidikan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Agama Islam Selangor, Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) dan lain-lain agensi.

Seterusnya, pada 5 April 2022, Jabatan Perancang Bandar MPAJ telah menganjurkan taklimat draf RT MPAJ 2035 (Penggantian) bersama Pengurusan Tertinggi MPAJ. Antara kandungan Rancangan Tempatan (RT) yang dibincangkan bersama pengurusan tertinggi MPAJ adalah tema, konsep pembangunan, dimensi guna tanah, ekonomi, komuniti, persekitaran, infrastruktur, pengangkutan, pengurusan dan pelbagai lagi selari dengan matlamat untuk mencapai bandar berdaya huni dan rendah karbon selaras dengan matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

## *Focus Group* ***Discussion And Technical*** *Committee Meeting for Ampang Jaya Municipal Council's Local Plan Draft 2035 (Replacement)*

*Local Plan (RT) is a legal document that is important as a reference in guiding land use planning in 14,350 hectares of MPAJ's administrative area. RT MPAJ 2020 was gazetted by the State Executive Council (MMKN) for the first time on 26 May 2011 until the last time it was gazetted on 21 January 2016 for RT MPAJ 2020 (Amendment 2). Thus MPAJ 2035 Local Plan Review (Replacement) is now being implemented as a continuation of the MPAJ 2020 Local Plan.*

*On 25 March 2022, Focus Group Discussion and Technical Committee Meeting of the Local Plan Draft of Ampang Jaya Municipal Council 2035 (Replacement) took place. A session to present the draft RT by the consultant was held to obtain feedback from all relevant technical agencies. It is also part of the method for improving the draft RT MPAJ 2035 (Replacement) to be in line with the Sustainable Development Goals (SDGs). The program was officiated by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President. Also present were Tuan Johari bin Atk, Director of Legal Department (acting secretary) MPAJ, councilors, directors and several technical agencies such as Land and District Office, Irrigation and Drainage Department, Public Works Department, Education Department, Health Department, Selangor Islamic Religious Department, Malaysian Highway Authority (LLM) and other agencies.*

*Subsequently on 5 April 2022, MPAJ's Town Planning Department organized a briefing on the RT MPAJ 2035 (Replacement) draft with MPAJ's top management. Among the contents of the Local Plan (RT) discussed with MPAJ's top management were themes, development concepts, land use dimensions, economic, community, environment, infrastructure, transportation, management and many more in achieving livable and low carbon cities in line with Sustainable Development Goals (SDGs).*



# MAJLIS CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN BULAN MAC 2022 SEMPENA PENUBUHAN 30 TAHUN MPAJ

MPAJ telah menganjurkan Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Bersempena Penubuhan 30 Tahun MPAJ. Sebanyak 29,207 akaun pemilik harta layak untuk cabutan bertuah bagi bulan Mac 2022. Akaun pemilik harta ini telah disemak oleh Jabatan Hasil, Bahagian Audit Dalam dan Bahagian Integriti MPAJ. Proses pemilihan adalah melalui sistem yang telah dibangunkan oleh Jabatan Perancangan Korporat. Pemilihan proses cabutan bertuah telah dilaksanakan oleh Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ pada 31 Mac 2022 usai Mesyuarat Penuh MPAJ bulan Mac 2022 secara dalam talian. Serahan hadiah kemenangan telah dilaksanakan kepada para pemenang yang bertuah. Tahniah kepada semua pemenang.







## *Assessment Bill Lucky Draw Ceremony for March 2022 in Conjunction with 30 Years Establishment of MPAJ*

*MPAJ has organized an Assessment Tax Lucky Draw in Conjunction with it's 30 Years Establishment. A total of 29,207 property owner accounts were eligible for the lucky draw for March 2022. These property owner accounts have been reviewed by the Revenue Department, Internal Audit Division and MPAJ's Integrity Division. The selection process is via a computerized system that was developed by Corporate Planning Department. The selection of the lucky draw process was carried out by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ on 31 March 2022 after MPAJ's Full Board Meeting via online. The handing over of winning prizes were carried out to all lucky winners. Congratulations to all the winners.*







# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA MASJID DAN SURAU SOLAT JUMAAT DI BAWAH PENTADBIRAN MPAJ SEMPENA BULAN RAMADAN 1443H / 2022M

MPAJ telah menyampaikan sumbangan berjumlah RM69,000.00 kepada 22 masjid dan 24 surau di bawah pentadbiran MPAJ. Sumbangan ini bertujuan untuk membantu masjid dan surau yang mengadakan solat Jumaat bagi mengimarahkan aktiviti di bulan Ramadan. Sumbangan telah disampaikan oleh Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ kepada wakil masjid dan surau pada 31 Mac 2022.

Dalam majlis yang sama, telah berlangsung penyampaian tajaan sebanyak RM 32,130.00 kepada Persatuan Bola Sepak Gombak FA bagi Kejohanan Selangor Champions League' 2021/2022. Bermula tahun 2020, MPAJ telah berkolaborasi dengan Persatuan Bola Sepak Gombak FA dengan memberi pelbagai kemudahan seperti stadium sebagai tempat latihan, kelengkapan sukan dan sebagainya.







## Donation Distribution Ceremony to All Mosques and Friday Prayer's Surau Under MPAJ Administration Area in Conjuction with the Month of Ramadan 1443H / 2022M

*MPAJ distribute donations amounting to RM 69,000.00 to 22 mosques and 24 suraus under the administration of MPAJ. This donation is intended to help mosques and Friday prayer suraus enliven activities in the month of Ramadan. The donation was presented by Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ to the representatives of mosques and suraus on 31 March 2022.*

*In the same ceremony, a sponsorship of RM 32,130.00 was presented to the Gombak FA Football Club for the Selangor League Championship 2021/2022. Starting from the year 2020, MPAJ has collaborated with Gombak FA Football Club by providing various facilities such as stadiums as training venues, sports equipments and so on.*







# MAJLIS PENYERAHAN MASJID KLANG GATE, HULU KELANG DAN AKTIVITI SOLAT JUMAAT YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR



Pada 2 Mac 2022 telah berlangsung Majlis Penyerahan Masjid Klang Gate, Hulu Kelang yang telah siap dinaik taraf daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) diwakili oleh Tn. Ir. Haji Lokman bin Haji Nasir, Pengarah JKR Selangor kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) diwakili oleh SS Dato' Haji Mohd Shahzihan bin Ahmad, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor. Majlis penyerahan ini disaksikan oleh YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Ahli Parlimen Gombak, YB. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Exco Hal Ehwal Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal; YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak dan Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ. Kerja-kerja meroboh dan membina semula Masjid Klang Gate ini telah bermula pada 12 Februari 2018. Masjid ini mampu menampung jemaah seramai 2,000 orang. Ia turut dilengkapi bilik pengurusan jenazah, pejabat pentadbiran, bilik VIP, madrasah yang terdiri daripada 6 kelas yang mampu menampung 150 orang, kuarters imam dan bilal serta lain-lain kemudahan sokongan.

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah menunaikan solat Jumaat di masjid berkenaan pada 8 April 2022 diiringi oleh Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ. YAB Dato' Menteri Besar mengambil kesempatan untuk melihat masjid baharu tersebut sambil beramah mesra dengan ahli jawatankuasa masjid.

## *Handing Over Ceremony of Klang Gate Mosque, Hulu Kelang and Selangor Chief Minister Friday Prayers Activity*

*The handing over ceremony of the Klang Gate Mosque, Hulu Kelang, which has been upgraded was held on 2 March 2022 by the Public Works Department (JKR) represented by Tn. Ir. Haji Lokman bin Haji Nasir, Director of JKR Selangor to the Selangor Islamic Religious Department (JAIS) who was represented by SS Dato' Haji Mohd Shahzihan bin Ahmad, Director of the Selangor Islamic Religious Department. The handover ceremony was witnessed by YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Senior Minister of International Trade and Industry and Gombak Member of Parliament, YB. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Exco for Islamic Affairs, Consumer Affairs and Halal Industry; YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, and Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President. The demolish and rebuild work of Klang Gate Mosque began on 12 February 2018. The mosque can accommodate a congregation of 2,000 people. It is also equipped with a mortuary management room, administration office, VIP room, madrasah consisting of 6 classes that can accommodate 150 people, imam and bilal quarters and other support facilities.*

*YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Selangor Chief Minister performed Friday prayers at the mosque on 8 April 2022 accompanied by Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ. YAB Dato' Menteri Besar took the opportunity to see the new mosque while having a friendly chat with the mosque committee members.*



# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN

## BANTUAN KEPADA MANGSA BENCANA TAMAN BUKIT PERMAI 1 DAN 2

Majlis penyerahan Sumbangan Bantuan Kepada Mangsa Bencana Gelongsoran Tanah Taman Bukit Permai 1 dan 2 telah diadakan pada 16 April 2022 bertempat di Dewan MPAJ Cheras Baru. YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor telah menyampaikan sumbangan melibatkan 70 keluarga mangsa yang terkesan akibat kematian, kecederaan, kerosakan rumah dan pengosongan rumah kediaman. Bantuan Wang Ihsan disumbangkan oleh Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) berjumlah RM 100,000.00, Tabung Bencana Negeri Selangor berjumlah RM 35,000.00, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM) berjumlah RM 26,400.00, Lembaga Zakat Selangor (LZS) berjumlah RM 25,000.00, Pejabat Ahli Parlimen Pandan serta Pejabat Penyelaras DUN Teratai. Kejadian pada 10 Mac 2022 telah mengakibatkan empat orang mangsa meninggal dunia dan seorang cedera. Sebanyak 13 buah rumah mengalami kerosakan.

Turut hadir ialah YB. Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru merangkap Penyelaras DUN Teratai; YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Ahli Parlimen Pandan; Dr. Ani binti Ahmad, Pegawai Daerah Hulu Langat merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Hulu Langat; Tuan Mohd Fauzi Mohd Yatim, YDP MPAJ; dan Cik Hafizan binti Hamzah, Pegawai Penerangan Daerah Hulu Langat.







## *Contributions Handing Over Ceremony to Disaster Victims of Taman Bukit Permai 1 and 2*

*Contributions Handing Over Ceremony to Landslide Disaster Victims of Taman Bukit Permai 1 dan 2 was held on 16 April 2022 at Dewan MPAJ Cheras Baru. YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Chief Minister of Selangor handed over the contributions involving 70 families affected by death, injury, house damage and evacuation of residential houses. Charity donations were contributed by Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) worth to RM 100,000.00, Selangor State Disaster Fund worth RM 35,000.00, Islamic Economic Development Foundation (YaPEIM) worth RM 26,400.00, Selangor Zakat Board (LZS) worth RM 25,000.00, Pandan Member of Parliament Office and DUN Teratai Coordinator Office. The incident on 10 March 2022 has resulted with four death and one injured victim. A total of 13 houses were damaged. Also present were YB. Ng Sze Han, Selangor State Exco for Local Government, Public Transport and New Village Development cum coordinator of DUN Teratai; YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Pandan Member of Parliament; Dr. Ani binti Ahmad, Hulu Langat District Officer cum Chairman of the Hulu Langat District Disaster Management Committee; Tuan Mohd Fauzi Mohd Yatim, MPAJ's President; and Cik Hafizan binti Hamzah, Hulu Langat District Information Officer.*





# PROGRAM SOLAT TERAWIH DAN
## PENYAMPAIAN SUMBANGAN AIDILFITRI BERSAMA MASYARAKAT DAERAH HULU LANGAT
## *Terawih Prayer and Aidilfitri Contribution Program with Hulu Langat District Community*

YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah hadir ke Masjid Bandar Baru Ampang pada 19 April 2022 bagi menyempurnakan Program Solat Terawih dan Penyampaian Sumbangan Aidilfitri bersama masyarakat Daerah Hulu Langat. Majlis dimulakan dengan solat isyak dan terawih berjemaah yang kemudiannya disusuli dengan penyampaian sumbangan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Sumbangan RM 5,000.00 setiap satu diberikan kepada 4 masjid manakala sumbangan bernilai RM 1,000.00 setiap satu diberikan kepada 20 surau dalam DUN Bukit Antarabangsa. Sumbangan Hari Raya Aidilfitri turut diberikan kepada 50 orang asnaf dan fakir miskin yang terpilih.

Turut hadir YB. Puan Rodziah binti Ismail, Exco Perumahan dan Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor merangkap Penyelaras Parlimen Ampang; Dr Ani binti Ahmad, Pegawai Daerah Hulu Langat; Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ; wakil PDRM; wakil Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Hulu Langat; barisan ahli majlis; dan pengarah MPAJ.

*YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Selangor Chief Minister was present at Masjid Bandar Baru Ampang on 19 April 2022 to perform Terawih Prayer and Aidilfitri Contribution Program with Hulu Langat District Community. The ceremony began with isyak and terawih prayers which was then followed by the presentation of donations by YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Selangor Chief Minister. Donation worth RM 5,000.00 each was given to 4 mosques while donation worth RM 1,000.00 each was given to 20 surau in DUN Bukit Antarabangsa. Aidilfitri donations were also given to 50 asnaf and the needy.*

*Also present were YB. Puan Rodziah binti Ismail, Selangor State Exco for Housing and Urban Wellbeing and Entrepreneur Development cum Ampang Parliamentary Coordinator; Dr Ani binti Ahmad, Hulu Langat District Officer; Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President; representative from PDRM; representative Hulu Langat District Islamic Religious Office; councillors; and MPAJ directors.*








# Lawatan YB. Puan Rodziah Binti Ismail,

## EXCO PERUMAHAN, KESEJAHTERAAN BANDAR & PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR MERANGKAP PENYELARAS PARLIMEN AMPANG



YB. Puan Rodziah binti Ismail, Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Negeri Selangor merangkap penyelaras Parlimen Ampang telah mengadakan lawatan ke MPAJ pada 4 Januari 2022. Pelbagai isu dibincangkan terutama yang melibatkan kawasan parlimen Ampang. Selain mengenalpasti punca masalah, perancangan penyelesaian turut dibincangkan terutama yang melibatkan aduan orang awam. Rombongan daripada pejabat YB. Puan Rodziah telah disambut oleh Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ bersama Tn. Johan bin Atli, Pengarah Jab. Undang-Undang (menanggung kerja setiausaha) serta pengarah-pengarah jabatan.



## *Visit by YB. Puan Rodziah binti Ismail, Selangor State Exco for Housing and Urban Wellbeing and Entrepreneur Development Cum Ampang Parliamentary Coordinator*

*YB. Puan Rodziah binti Ismail, Selangor State Exco for Housing and Urban Wellbeing and Entrepreneur Development cum Ampang Parliamentary Coordinator visited MPAJ on 4 January 2022. Various issues were discussed, especially those involving the Ampang parliamentary constituency. Apart from identifying the cause of problems, solutions were also discussed, especially those involving public complaints. Delegations from YB's office were greeted by Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President, Tn. Johan bin Atli, Director of Legal Department (acting secretary) as well as internal directors of MPAJ.*






# KUNJUNGAN HORMAT MPAJ KE PEJABAT DAERAH DAN TANAH HULU LANGAT

## *MPAJ VISIT TO HULU LANGAT DISTRICT AND LAND OFFICE*

MPAJ telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat (PTDHL) pada 1 Mac 2022 yang diketuai oleh Tn. Johan bin Ali, Pengarah Jab. Undang-Undang (menanggung kerja setiausaha). Turut hadir ialah ahli Jawatankuasa Kecil Pasukan Petugas Khas Cukai Taksiran MPAJ, Tn. Mohamat bin Samot @ Samat dan Tn. Rozmi bin Humaidi serta beberapa wakil jabatan yang menjadi ahli jawatankuasa kecil pasukan petugas khas tersebut. Objektif utama kunjungan hormat ini adalah untuk mewujudkan kerjasama dalam menangani isu-isu yang melibatkan tindakan penyelesaian yang konstruktif di antara kedua-dua pihak. Antara isu yang dibincangkan adalah isu hak milik tanah dan penyelesaian tunggakan hasil cukai tanah dan taksiran. Rombongan MPAJ telah disambut oleh Dr. Ani bin Ahmad, Pegawai Daerah Hulu Langat bersama-sama pegawai-pegawai beliau.

*MPAJ paid a courtesy visit to Hulu Langat District and Land Office (PTDHL) on 1 March 2022 led by Tn. Johan bin Ali, Director of Legal Department (acting secretary). Also present were members of the MPAJ Assessment Tax Task Force Sub-committee, Tn. Mohamat bin Samot @ Samat and Tn. Rozmi bin Humaidi as well as several department representatives who are sub-committee members of the task force. The main objective of this courtesy visit is to establish cooperation in addressing issues involving constructive remedial action between the two agencies. Among the issues discussed were land ownership and settlement of arrears of land tax revenue and assessment. MPAJ's delegations were welcomed by Dr. Ani bin Ahmad, Hulu Langat District Officer together with her officers.*



# Perhimpunan




**PENGANJUR/*Host* ›**
Jabatan Perancangan Korporat
*Corporate Planning Department*

**TARIKH/*Date* ›**
11 January 2022

**TEMA/*Theme* ›**
Bandar Pintar Ampang Jaya /
*Ampang Jaya Smart City*



**PENGANJUR/*Host* ›**
Bhg. Pusat Khidmat Setempat dan Bhg. Integriti/ *One Stop Centre Division and Integrity Division*

**TARIKH/*Date* ›**
13 April 2022

**TEMA/*Theme* ›**
Hari Kesedaran Autisme /
*Autisme Day Awareness*



# JOM BUANG SAMPAH KE DALAM TONG SAMPAH

KDEB Waste Management (Ampang)
**03-42854144**
Talian Bebas Tol MPAJ
**1-800-22-8100**

## HARI-HARI TANPA SAMPAH



## KOD QR INFO KEBERSIHAN & TATACARA PENGURUSAN SAMPAH

# KEMPEN KEBERSIHAN MPAJ

- APA YANG PERLU DILAKUKAN ?
- BAGAIMANA PENGASINGAN SISA ?
- APA ITU SAMPAH PUKAL ?
- APA ITU KITAR SEMULA ?

**#tiadasampahlongok**
**#tiadasampahtabur**

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM
TALIAN : 03-42857044

1800-22-8100 | www.mpaj.gov.my | Majlis Perbandaran Ampang Jaya- Rasmi | mp_ampangjaya | MP Ampang Jaya | MP Ampang Jaya Channel